

BAH

Mahathir

LAWATAN KE UZBEK DAN IRAN BERJAYA, KATA MAHATHIR

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

TEHERAN, 6 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas dari sini menuju Jeddah hari ini untuk menunaikan Umrah selepas lawatan lapan hari yang amat berjaya ke Uzbekistan dan Iran.

Tidak kurang daripada lapan perjanjian bagi memperkukuhkan hubungan dan meningkatkan perdagangan dengan kedua-dua negara Islam itu telah ditandatangani hasil lawatan itu.

Mahathir memberitahu wartawan Malaysiadi sini selepas jamuan malam oleh para usahawan Malaysia yang mengiringi beliau dalam lawatan itu bahawa lawatan itu bukan sahaja mengukuhkan hubungan yang lebih baik antara kerajaan Malaysia dan kedua-dua negara tersebut tetapi juga hubungan antara beliau dan para pemimpin Uzbek dan Iran.

Katanya: "Dariapada perbincangan antara saya dengan para pemimpin kedua-dua negara itu, mereka menunjukkan minat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara contoh."

"Saya amat berbangga dan berbesar hati kerana minat mereka itu. Saya akan berusaha sedaya upaya untuk tidak mengecewakan mereka, + tambahnya. --  
Lagi.

♥06/04/19-06MST

CNS8289

U GB 06-04 00210 BH290

BAH

- Mahathir 2 Teheran

Lapan perjanjian yang membabitkan kerajaan dengan kerajaan dan sektor swasta itu ialah surat hasrat dengan Uzbekistan sementara menunggu pengwujudan sebuah suruhanjaya ekonomi bersama; kontrak ASS600 juta antara Petronas dan Perbadanan Syarikat Minyak Kebangsaan Iran bagi pembelian harian 55,000 tong minyak mentah Iran oleh Petronas Mei ini; kontrak usahasama bagi pembangunan perkhidmatan rangkaian telekomunikasi di Pulau Qeshm antara Technology Resources Industries Berhad dan Pihak Berkuasa Dagangan Bebas Qeshm; dan perjanjian agensi antara Iran Mines Export Development Company (IMEDC) dan Roslan Baba Architect (RBA) untuk mengedarkan batu mar-mar dan granit di Malaysia.

Yang lain ialah Memorandum Persefahaman (MOU) antara Ekran Berhad dan Pihak Berkuasa Dagangan Bebas Qeshm bagi membina sebuah hotel di pulau itu; MOU antara Pars Investment dan sebuah syarikat pembangunan Iran (PIDC) dan Porim bagi membolehkan kedua-dua syarikat bekerjasama antara satu sama lain dalam soal pembungkusan, campuran, pengawasan berkualiti minyak sawit RBD dan minyak isirung di pasaran Iran.

Dua lagi MOU ialah antara Kobena-KLG dan Iran's Industrial development and Renovation (IDRC) dan antara Syarikat Keluli Iran serta syarikat pelaburan Malaysia-Bangladesh.

Dr Mahathir berkata, di samping itu, kedua-dua kerajaan juga membuat beberapa cadangan bagi memperkukuhkan lagi kerjasama ekonomi dengan Malaysia yang terpaksa dikaji dengan lebih mendalam. -- Lagi.

♥06/04/19-29MST

CNS8361

U GB 06-04 00177 BH291

BAH

Mahathir 3 (Akhir) Teheran

Sambil menyifatkan hasil lawatannya itu sebagai amat berjaya, Perdana Menteri berkata, beliau akan melaporkan kepada kabinet dan berusaha sedaya upaya bagi memastikan agar semua perjanjian yang ditandatangani setakat ini akan tercapai maksudnya.

Mengenai soal pembiayaan perdagangan yang dibimbangi sesetengah pihak yang menganggap ia sebagai satu masalah bagi Iran kerana negara itu kekurangan tukaran asing, Dr Mahathir berkata, ia tidak akan menimbulkan masalah kerana kedua-dua negara sudahpun mempunyai perjanjian pembayaran dan halaldengan dijamin bank-bank pusat masing-masing.

"Lagipun, kita bukan sahaja bercakap mengenai menjual. Kita juga membeli dan dengan itu apabila bercakap mengenai soal pembayaran, kita hanya bercakap mengenai membayar imbalan perdagangan," tambahnya.

Perdana Menteri gembira bahawa mullah-mullah di Iran sependapat dengannya mengenai perlunya menghidupkan semula perpaduan ummah.

Katanya, sudah terdapat tanda-tanda bahawa dunia Islam kini bergerak menuju ke arah kegemilangan silamnya.

Malaysia yang tidak mahu ketinggalan dalam arus aliran ini akan berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan hasrat untuk kembali ke zaman kegemilangan Islam itu tercapai, katanya. -- Bernama.

ARES AHH KAM.